



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>TEKNOLOGI BINAAN 2</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DSB 1083</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>OKTOBER 2015</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
  
2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B**. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja dari **BAHAGIAN C**. Anda dikehendaki mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru. Lakarkan gambarajah jika perlu bagi membantu kesemua jawapan anda.
  
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**






*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 2 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---








## BAHAGIAN A (10 MARKAH)

BAHAGIAN INI MENGANDUNGI SEPULUH (10) SOALAN. JAWAB SEMUA SOALAN DI DALAM BUKU JAWAPAN.

Rajah Datarang	Nama Rajah
	a) .....
	b) .....
	c) .....
	d) .....
	e) .....

(5 markah)

Rajah Kekuda Dibina	Nama Rajah
	<p>f) .....</p>
	<p>g) .....</p>
	<p>h) .....</p>
	<p>i) .....</p>
	<p>j) .....</p>


(5 markah)

**BAHAGIAN B (40 MARKAH)**

**BAHAGIAN INI MENGANDUNGI TIGA BELAS (13) SOALAN. JAWAB SEMUA SOALAN DI DALAM BUKU JAWAPAN.**

1. Lantai adalah sebuah binaan yang seringkali dapat kita lihat di persekitaran kita. Terangkan definisi lantai. (3 markah)
2. Sebutkan **TIGA (3)** sifat-sifat lantai yang diambil kira dalam pembinaannya. (3 markah)
3. Sambungan pengembangan adalah satu kaedah untuk mencegah keretakan berlaku pada permukaan lantai yang disebabkan oleh perkembangan akibat perubahan cuaca. Terangkan cara sambungan pengembangan dibuat pada lantai. Lakarkan rajah bagi membantu jawapan anda. (4 markah)
4. Jalur kayu adalah sejenis kemasam lantai. Terangkan jenis tanggam kayu yang biasa digunakan dalam pembinaan jalur kayu. Lakarkan rajah bagi membantu jawapan anda. (2 markah)
5. Jubin adalah bahan yang meluas digunakan dalam pembinaan kediaman. Terangkan secara ringkas mengenai jubin dari aspek bahan pembuatannya, sifat-sifatnya dan cara pemasangannya. (4 markah)
6. Sebutkan **TIGA (3)** jenis bahan yang digunakan dalam pembinaan dinding. (3 markah)
7. Nyatakan **EMPAT (4)** ciri-ciri penutup dinding dalam pembinaan rumah kayu. (4 markah)

8. Dalam pembinaan dinding atau tembok, terdapat bukaan yang perlu dibina contohnya seperti pintu dan tingkap. Terangkan cara membuat bukaan pada dinding menggunakan ambang konkrit atau *lintol*. Lakarkan rajah bagi membantu jawapan anda. (3 markah)
9. Namakan **EMPAT (4)** jenis kecacatan pada dinding dan tembok. (4 markah)
10. Nyatakan definisi bumbung. (2 markah)
11. Sebutkan **TIGA (3)** faktor-faktor pemilihan jenis bumbung. (3 markah)
12. Rajah di bawah menunjukkan kayu-kayu kekuda disambung menggunakan paku penyambung. Namakan **DUA (2)** jenis paku penyambung yang boleh digunakan. Lakarkan rajah jika perlu. (3 markah)



13. Nyatakan **DUA (2)** fungsi siling. (2 markah)

**BAHAGIAN C (30 MARKAH)**

**BAHAGIAN INI MENGANDUNGI EMPAT (4) SOALAN. JAWAB TIGA (3) SOALAN SAHAJA.**

**SOALAN 1**

- a) Terangkan secara ringkas mengenai lantai gantung.  
(3 markah)
- b) Lakarkan rajah lantai gantung serta labelkan bahagian-bahagian penting.  
(4 markah)
- c) Sistem lantai gantung sesuai untuk binaan lantai kayu. Sebutkan **TIGA (3)** kemasan lantai yang biasanya untuk lantai kayu.  
(3 markah)

**SOALAN 2**

Tembok penahan adalah binaan yang dibina untuk mengelakkan tanah runtuh.

- a) Sebutkan **EMPAT (4)** jenis tembok penahan yang telah dipelajari.  
(4 markah)
- b) Terangkan mana-mana **DUA (2)** jenis tembok penahan yang telah anda sebutkan di atas. Lakarkan rajah tembok tersebut.  
(6 markah)

**SOALAN 3**

- a) Terangkan **EMPAT (4)** fungsi siling gantung dalam binaan sesebuah bangunan.  
(4 markah)
- b) Lakarkan siling gantung.  
(3 markah)
- c) Sebutkan **TIGA (3)** bahan-bahan yang digunakan dalam pembuatan siling.  
(3 markah)

**SOALAN 4**

- a) Berikan definisi tangga.  
(2 markah)
- b) Sebutkan **EMPAT (4)** jenis tangga yang telah dipelajari.  
(4 markah)
- c) Lakarkan mana-mana **DUA (2)** jenis tangga yang telah anda sebutkan di atas.  
(4 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**





